

**K**EMASUKAN pelaburan dari China ke negara ini perlu lebih selektif dan berkualiti dengan mengutamakan teknologi tinggi supaya dapat memberi manfaat kepada sektor pembuatan negara.

Bekas Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Phang Ah Tong berkata, ini kerana sebahagian besar kemasukan pelaburan itu banyak tertumpu kepada infrastruktur dan hartanah berbanding pelabur lain yang memberi fokus kepada sektor tersebut.

Katanya, pelaburan dari Jerman, Amerika Syarikat (AS) dan Jepun sebagai contoh, kebanyakannya adalah berkualiti tinggi terutama dalam industri aeroangkasa, perubatan dan elektronik.

“Setakat ini, jika bercakap mengenai kualiti pelaburan dari China, ia tidak ada lagi di Malaysia. Kita mahu pelaburan teknologi tinggi kerana China sendiri memiliki kepakaran tersebut dan industri teknologi tinggi China berkembang dengan baik, misalnya bagi pembuatan semikonduktor.

“Dengan membawa masuk pelaburan yang berteknologi ting-



**PHANG AH TONG**

**WONG SIEW HAI**

gi ini akan memberi nilai tambah terutama kepada sektor pembuatan negara pada masa depan. Sudah tentu kita tidak boleh bersaing dengan mereka tetapi banyak perkara yang kita boleh pelajari,” katanya ketika menjadi ahli panel dalam persidangan Deloitte Taxmax Siri ke-43 di sini hari ini.

Pelaburan China di Malaysia mula meningkat sejak Presiden Xi Jinping memimpin negara kuasa kedua ekonomi dunia itu pada 2012. Sejak 2009, China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia (menggantikan Singapura) dengan hubungan dagangan dua hala tahun lalu sahaja berjumlah AS\$83.4 bilion (RM356.91 bilion). China juga adalah pasaran eksport terbesar Malaysia.

Berdasarkan laporan *Bloomberg*, China komited untuk mengimport barangan bernilai AS\$2 trilion (RM8.56 trilion) dari Malaysia dalam

dial import pada 2016 dalam tempoh itu.

Republik itu juga mahu meningkatkan pelaburan sehingga AS\$150 bilion (RM641.92 bilion) ke negara ini dan menawarkan sehingga 10,000 tempat untuk menjalani latihan.

Sementara itu, Gabenor Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM), Datuk Wong Siew Hai berkata, MIDA telah melaksanakan tugas dengan baik dan mempunyai strategi untuk membawa masuk pelbagai pelaburan ke negara ini antaranya daripada industri aeroangkasa, bioteknologi dan semikonduktor.

Bagaimanapun katanya, Malaysia masih memerlukan pelaburan yang berkualiti dari segi teknologi tinggi, terkin dan mempunyai nilai tambah.

“Secara dasarnya, China melihat Malaysia mempunyai banyak kelebihan terutama dari segi kepelbagaian bangsa dan bahasa selain menjadi gerbang ekonomi di rantau ini. Jadi, ia akan menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi pada masa depan yang mungkin mengambil tempoh 10 tahun akan datang,” katanya.



**KAPAL Petronas yang mengangkut gas asli cecair menyediakan perkhidmatan pemindahan di Labuan. - GAMBAR HIASAN**

# PLL sediakan perkhidmatan pindah gas asli cecair di Labuan

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - Petronas LNG Ltd. (PLL), anak syarikat Petronas LNG Sdn. Bhd. mengumumkan telah menandatangani perjanjian perkhidmatan selama dua tahun dengan Argo Engineering Sdn. Bhd. (Argo) dan Eastport Marine Sdn. Bhd. (Eastport) bagi menyediakan perkhidmatan pemindahan gas asli cecair (LNG) kapal-ke-kapal di Labuan.

Pengerusi PLL, Ahmad Adly Alias berkata, perjanjian perkhidmatan kapal-ke-kapal yang ditandatangani itu merupakan jalinan kerjasama pertama Petronas dalam menyediakan penyelesaian penghantaran fleksibel melangkaui penjualan dan penghantaran konvensional LNG.

“Perkhidmatan penghantaran LNG kapal-ke-kapal adalah trend yang semakin mendapat sambutan bagi memenuhi keperluan dan permintaan bagi LNG berskala kecil,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perjanjian perkhidmatan berkenaan telah ditandatangani sendiri oleh Ahmad Adly bersama Pengarah Urusan Argo, Ir. Kamarulbahrin Saidin dan

Pengarah Urusan Eastport, Datuk Kapten Walter Nair.

Yang turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah Ketua Pengurusan Kapal PLL, Mohd. Hanafi Jamal; Pengerusi Argo, Datuk Mohd. Basri Abd. Gafar; Pengarah Argo, Noraiyathi Abu Bakar dan Pengarah Eksekutif Eastport, Benjamin Nair.

Pemindahan kapal-ke-kapal adalah pemindahan LNG antara dua buah kapal yang diletakkan bersebelahan dengan pemindahan tersebut membolehkan penghantaran kargo yang lebih fleksibel bagi memenuhi keperluan LNG berskala kecil.

Dalam pada itu, PLL turut mengumumkan telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) untuk peruntukan perkhidmatan bagi menyokong perkhidmatan *Gassing Up and Cooling Down* (GUCD) di Pelabuhan Bintulu selama tiga tahun.

Menurut Ahmad Adly, perkhidmatan yang akan dimula-



**AHMAD ADLY ALIAS**

## Perolehan suku ketiga MSM naik 5.6 peratus

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) mencatatkan penyusutan keuntungan sebelum cukai sebanyak 22.7 peratus kepada RM25.31 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September 2017 berbanding RM32.75 juta pada suku sama 2016.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari berkata, perolehan pula meningkat sebanyak 5.6 peratus kepada RM668.51 juta berbanding RM633.12 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.

Jelas beliau, perolehan bagi tempoh sembilan bulan berakhir pada 30 September 2017 meningkat 10.4

peratus kepada RM2.01 bilion.

“Keadaan ini didorong oleh harga kumulatif yang lebih baik iaitu sebanyak 16.5 peratus untuk keseluruhan segmen pasaran. Perbandingan suku ke suku menyaksikan jumlah jualan meningkat sebanyak 18.9 peratus dan 48.4 peratus dalam segmen perindustrian dan eksport kumpulan.

“Ini sepadan dengan peningkatan 7.3 peratus dalam pengeluaran gula bertapis dan penurunan dalam kos pengedaran sebanyak 30.3 peratus dibantu oleh pengurangan kos pengangkutan dan sewaan gudang,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mohamad Amri menambah, kepu-

tusan ini turut dibantu oleh inisiatif pengurusan kos keseluruhan kumpulan dan pendekatan inovatif yang diambil dalam mekanisme lindung nilai untuk pemulihan yang positif.

Menurutnya, walaupun berada pada suku yang mencabar pihaknya telah melipat gandakan usaha dan tenaga untuk mengubah perniagaan daripada fasa defisit.

Katanya lagi, syarikat mengharapkan keputusan positif ini akan berterusan hingga akhir tahun ini dan tetap komited dalam strategi pertumbuhan, meningkatkan nilai pasaran, meluaskan margin operasi dan meningkatkan keuntungan.

nas di Bin

“MoA

ini juga m  
Bintulu m  
bagi perkh  
laysia den  
satu bidan  
khas yang  
ronas.

“Kerjas

katkan pe  
Petronas  
LNG berse  
GUCD i

tan khusus  
tangki sim  
kut LNG,  
ringan do  
dan kem  
kriogeni  
sebelum  
kargo.